

# ANUGERAH PENERBITAN BUKU UiTM 2016 KRITERIA, SYARAT & PERATURAN

## ASAS ANUGERAH

Anugerah ini diberikan kepada penulis buku ilmiah asli yang bukunya telah menerima anugerah / hadiah pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa pada tahun yang dinilai (2016). Buku tersebut hendaklah memberi impak kepada pembinaan ilmu atau berpotensi membawa perubahan kepada pemikiran masyarakat.

## KRITERIA PEMOHON

- i. Untuk tujuan anugerah ini, buku ilmiah bermaksud buku yang ditulis secara sistematik berasaskan fakta dan hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional, bukan penulisan kreatif yang ditulis berasaskan imaginasi atau penulisan kewartawanan. Yang dimaksudkan dengan karya asli ialah karya yang ditulis oleh pengarang sendiri atau bersama dengan pengarang lain, dan bukan karya hasil terjemahan dan adaptasi.
- ii. Buku yang diterbitkan adalah dalam bidang kepakaran calon.
- iii. Buku mestilah diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- iv. Buku yang diterbitkan ditulis oleh **tidak lebih daripada tiga (3) orang pengarang**.
- v. Buku yang diterbitkan hendaklah dihasilkan dalam bahasa Melayu atau Inggeris, atau dalam terjemahan ke bahasa lain.
- vi. Buku yang diterbitkan menjadi bahan rujukan dan memperlihatkan impak ilmiah yang memberi kesan positif kepada komuniti ilmu atau masyarakat pada amnya.
- vii. Buku pernah dicalonkan atau pernah memenangi mana-mana kategori anugerah / hadiah di peringkat kebangsaan atau antarabangsa pada tahun yang dinilai.
- viii. Buku yang diterbitkan mestilah merupakan buku yang berkesinambungan dari bab ke bab dan integratif sifatnya. Ia bukanlah koleksi kertas kerja, himpunan esei, tesis / disertasi (melainkan telah distrukturkan ke bentuk buku) atau laporan penyelidikan / perundingan.

## CONTOH HADIAH YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK ANUGERAH PENERBITAN BUKU

### A. Peringkat Kebangsaan

#### Malaysia

- Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
- Hadiah Sastera Perdana Malaysia (DBP)
- Hadiah Buku Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)
- Hadiah Buku Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA)

#### Negara Lain

- Islamic Book Fair Award (Indonesia)
- Khatulistiwa Literary Award (Indonesia)
- USA National Book Awards (USA)
- British Book Awards (GBR)

### B. Peringkat Antarabangsa

- Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA)
- ICAS Book Prize (Leiden)
- Costa Book Awards (UK; ilmiah kesusasteraan)
- Guardian First Book Awards (UK; ilmiah)
- Harry J. Benda Awards (USA)
- AAS Book Prize (USA)
- Royal Society Science Book Prize (UK)

## NILAI ANUGERAH

Trofi Anugerah Penerbitan Buku UiTM beserta wang tunai dan sijil penghargaan oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan.